

“Dalam masyarakat moden pada zaman kini, kaum wanita selalu ditampilkan sebagai bahan seksual untuk kaum lelaki. Perlukah kecantikan dipamerkan kepada mata-mata yang tidak dingini? *Hijab* melindungi maruah wanita dari perhatian dan perasaan yang serong. Sekiranya kaum wanita merata dunia memadankan gaya pakaian agama Islam, kadar kelakuan seperti usik-mengusik, mencabul kehormatan dan kerogolan akan berkurangan. Memakai *hijab* memberi saya keyakinan diri sebagai wanita dan ia tidak menghalang pekerjaan saya.” Mrs. Salva I Rasool, Pereka Grafik.

“Saya seorang muallaf, disebabkan itu jadi saya dapat membandingkan kedua-dua gaya kehidupan, kehidupan dengan tanpa memakai pakaian cara Islam dan gaya kehidupan dengan mengikuti tunjuk ajaran agama Islam. Saya sedar bahawa masyarakat Barat menganggap *hijab* sebagai suatu alat penindas yang melarang kebebasan wanita. Pengalaman hidup saya dengan *hijab* dan juga kajian-kajian yang dibuat tentang Islam telah memberi saya pengertian yang bercanggah dengan pemikiran Barat. Penganut bukan Islam, sering memberikan tenungan kepada saya tetapi *hijab* membawa kehormatan pada saya. Saya tidak mengalami kesusahan mencari kerja atau mengekalkannya. Selain itu saya tidak lagi diusik secara seksual, dan ini membuat saya rasa lebih mulia.

Dengan berhijab, masyarakat dapat menerima diri saya sebenar-benarnya dan bukan dari sekadar pandangan luaran. Saya pernah berada disebuah kejiranan yang kurang baik, seorang lelaki yang selalu suka mengusik kaum wanita hanya membiarkan saya jalan tanpa gangguan. Konsep kesuluruhan dalam pakaian cara Islam ialah untuk mengekalkan kehormatan. Ia membuat pergaulan bertambah murni lantas meningkatkan rasa keselamatan diri apabila bergaul dengan kalangan umum. Setelah mengerti faedah *berhijab*, saya tidak akan hidup tanpanya lagi. Saya adalah seorang Muslimah di dalam masyarakat dan ini menjadi sebuah peringatan kepada saya dan juga semua kerana saya ingin menjalankan kehidupan yang baik dan suci. Saya hanya berserahkan diri kepada Allah. Disebabkan itu, ramai menganggap saya seperti seorang rahib. Walaupun mereka tidak faham cara pemakaian saya yang aneh dari segi fesyen Amerika Syarikat, mereka menyatakan bahawa mereka mengagumi seseorang yang kekal dengan pendiriannya.” Mrs. Diana Beatty, Guru

“Saya mendapati saya suka memakai *hijab*. Perkataan 'suka' adalah tidak begitu tepat, kerana ia tidak cukup positif. Saya mencintainya! Pada pertama kalinya sebagai wanita Amerika, saya merasa bahawa saya yang benar-benar memiliki tubuh saya. Ini kerana, saya dapat menjaga maruah tubuh saya dan saya lebih dihormati. Saya dapati kaum lelaki, terutamanya golongan yang lebih muda, memberikan saya ruangan ketika saya berjalan. Perasaan yang teramat istimewa yang saya pernah rasakan ialah apabila saya mendapati diri ini tidak lagi diekori pandangan mata kaum lelaki. *Hijab* seolah-olah membawa mesej “diri ini tidak minat.” Gurau Puan Diana. Beliau bertambah, “Tentu sekali *hijab* membawa mesej yang lebih teguh.” Dipetik dari: Peserta Amerika yang bukan Muslim dalam kempen *Scarves for Solidarity*, sempena tragedi 11 September, seperti yang ditertera dalam suratkhbar San Francisco Chronicle, 9 Mei, 2002.

Untuk matlumat lebih lanjut tentang Islam, lungsuri

<http://al-islam.org/faq/>

v1.0

“Katakanlah kepada kaum lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka dan memelihara kehormatan mereka... Dan katakanlah kepada kaum perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka, dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang (biasa) nampak dari mereka”

(Qur'an: Surah 24, Ayat 30-31)

Mengapa ada Pakaian Tertentu Dalam Islam

Islam tidak melarang pergaulan antara lelaki dengan perempuan, tetapi memerintah mereka untuk berperilaku mengikut cara *kesopanan* agar terjalin kehormatan yang penuh dan sesuai antara satu sama lain. Perilaku sopan tersebut terdiri daripada kesolehan dan saling menghormati, juga berpakaian tertentu terutamanya tudung yang dipakai oleh Muslimah.

Rendahkan Pandanganmu demi Kesucian Jiwa

Falsafah disebalik *hijab* – tudung Muslimah – berakar di dalam konsep pengawalan deria yang boleh menjejaskan kemurnian seseorang. Imam ‘Ali, sepupu dan anak menantu kepada Rasulullah (moga kesejahteraan dikurniakan atasnya dan juga keluarganya), menyatakan

“Mata adalah pengintai untuk hati dan utusan bagi akal; maka jagalah pandanganmu dari apa yang bercanggah dengan iman mu”

Lantern of the Path (buku Imam Ja’far Al-Sadiq a.s)

Dalam dunia terkini, deria kita dikelilingi dengan banyak perkara yang dianggap sebagai dugaan. Disebabkan kita melihat, menghidu dan mendengar di setiap aspek. Islam mengajar kita cara-cara mengawal deria untuk mengatasi pengalaman yang dapat mempengaruhi nafsu zahir dan batin seseorang. Sebagai contoh, keharuman minyak wangi mungkin membawa memori arwah nenek; bunga api mungkin mengejutkan minda untuk memikirkan peperangan; hadirnya seorang wanita yang cantik dan seksi mungkin menyebabkan nafsu yang berahi dan niat yang tidak baik.

Apabila kita menyaksikan perkara yang tidak bermoral, jenayah ataupun sesuatu perkara yang melanggar tata kesusilaan, hati kita akan kehilangan sedikit kesucian walaupun bukan kita yang bersalah. Manusia semua mempunyai memori dari zaman kanak-kanak yang menjejaskan kesucian hati kita. Apa yang dahulu mungkin mengejutkan atau dianggap istimewa sudahpun menjadi sekadar perkara biasa.

Dalam agama Islam, ibu bapa bukan hanya wajib untuk menjaga akhlak anak-anaknya malah orang-orang dewasa ini sendiri harus menjaga akhlak mereka masing-masing. Kegagalan dalam menjaga akhlak akan mendatangkan kerosakan jiwa.

Oleh kerana demikian, falsafah di sebalik *hijab* adalah untuk memelihara maruah dan kemurnian sebagai peringatan bagi semua sudut kehidupan, bukan sahaja pakaian. Kita harus melarang diri dari mempunyai nafsu berahi apabila memandangkan seseorang, dan kita harus berpakaian sopan agar diri kita dihormati.

Memadankan *Hijab* dengan Cara yang Betul

Qur’an menyebut tentang pakaian Islam seperti berikut:

“Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandangkan yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka [kecuali kepada saudara yang tertentu seperti yang dijelaskan oleh Qur’an]...”
Surah 24, Ayat 30-31.

Maksud kesopanan ini adalah untuk memelihara kehormatan dalam pergaulan antara kaum lelaki dan wanita.

- ❑ Pertama, lelaki harus memimpin usaha menghormati wanita. Mereka tidak patut melibatkan diri atau menyenangi perkara yang menjatuhkan martabat wanita. Mereka harus menjaga pandangan mereka dan memegang kepada falsafah umum iaitu kemurnian hati dan berpakaian sopan. Pakaian harus tertib dan mereka harus menjauhi kegiatan atau tempat yang boleh menyebabkan perkara yang ditak diingini.
- ❑ *Hijab* tidak melarang pergaulan lelaki dan wanita untuk mengejar ilmu, pekerjaan, beribadah, dan sebagainya. Malah, apabila *hijab* dipadankan oleh kedua-dua kaum, pergaulan sebegini datang dari hati yang ikhlas dan bukan yang kurang baik.
- ❑ Wanita harus menganggap diri sebagai insan mulia dan jaga pergaulannya dengan lelaki. Mereka tidak patut berkelakuan seperti wanita yang menagih perhatian atau genit untuk mengghairahkan nafsu lelaki.
- ❑ Apabila berada di kalangan lelaki yang bukan muhrim, wanita harus menutup perhiasan tubuhnya (kecuali yang zahir daripadanya). Para-para ulama bersetuju bahawa kaum wanita harus menutup seluruh tubuh kecuali muka dan tangan. Muslimah melaksanakan perkara ini dengan memakai baju yang labuh dan menutup kepala dengan tudung.
- ❑ Tata susila untuk berpakaian sopan berlainan antara kedua kaum disebabkan kelainan tubuh dan daya tarikan. Kelainan ini dapat dilihat dalam masyarakat orang Barat dimana jumlah golongan wanita yang membaca majalah lucah atau mencari pelacur adalah lebih kecil dibandingkan dengan kaum lelaki yang melakukan perkara sedemikian.
- ❑ Berlawanan dengan anggapan segolongan masyarakat, *hijab* tidak memperkecilkan seseorang wanita ataupun dipakai semata-mata dipaksa oleh kaum lelaki. Allah swt hanya membezakan lelaki dan wanita dari segi kesolehan masing-masing. Apabila mereka berhadapan dengan memadankan pakaian yang sopan, mereka dibezakan dari sudut batin seperti ilmu dan amanah.
- ❑ Berpakaian cara Islam tidak menyekat pergerakan dan kebebasan wanita, perkongsian pendapat, pelajaran, penjagaan kesihatan dan hak manusia yang lain-lain. Sebaliknya, *hijab* membina masyarakat yang waras dan mengurangkan jenayah seperti rogol dan mencabul kehormatan disebabkan nafsu yang terkawal apabila *hijab* dipadankan. Memadankan *hijab* adalah unsur besar dalam agama Islam dimana jika dilakukan dengan betul, lahirnya kemurnian antara lelaki dan perempuan dalam sebuah masyarakat.

Perasaan Muslimah Terhadap *Hijab*

“Saya dihormati dan orang menganggap saya dengan lebih serius, dan saya rasa dilindungi dan lebih yakin diri apabila saya di luar.” Dr. Mrs. N.Z. Vakil, M.D.